




JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 17 – 20 SEPTEMBER 2021

BIL. 40 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 20 September 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,880,736** atau 89.0 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **207,695 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **14,345 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,112,175 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.7 peratus** atau **14,302 kes** daripada catatan harian dengan **91.4 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 43 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **40.2 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.0 peratus), Zon Utara (16.2 peratus), Zon Selatan (15.7 peratus) dan Zon Pantai Timur (9.9 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Sarawak** iaitu **3,611 kes** disusuli Johor (1,598 kes), Selangor (1,365 kes), Sabah (1,255 kes), Pulau Pinang (1,170 kes), Perak (1,090 kes) dan Kelantan (1,050 kes). Sejumlah **23,744 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **301 kematian terbaharu** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 15 september 2021 menunjukkan seramai **21,719,553** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,123,511** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,804,706. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,460,886), Sarawak (1,942,548), Sabah (1,866,042), Perak (1,524,958) dan Pulau Pinang (1,273,027). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 39.5 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - o USA: **Sentimen pengguna stabil pada September selepas menjunam pada Ogos**. Sentimen pengguna USA stabil pada awal

September setelah menjunam bulan sebelumnya ke tahap terendah dalam hampir satu dekad. University of Michigan melaporkan indeks sentimen penggunanya naik hingga 71 pada separuh pertama September dari 70.3 pada Ogos - terendah sejak Disember 2011. (Reuters)

- EU: **Inflasi Eurozone meningkat seperti yang dianggarkan pada bulan Ogos.** Inflasi meningkat kepada 3% pada bulan Ogos daripada 2.2% pada bulan Julai. Ini adalah yang tertinggi sejak Nov 2011 dan juga melebihi sasaran 2% ECB. Kenaikan kos penghantaran dan tenaga cenderung mendorong inflasi Eurozone meningkat lebih jauh dalam beberapa bulan akan datang. (RTT)
- EU: **Output pembinaan Eurozone meningkat pada bulan Julai.** Hasil pembinaan meningkat 0.1% bulan ke bulan pada bulan Julai, setelah penurunan -0.6% pada bulan Jun. Pembinaan bangunan meningkat 0.4% pada bulan Julai, sementara kejuruteraan awam menurun -1.7%. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, output pembinaan meningkat 3.3% pada bulan Julai, setelah pertumbuhan 4.1% pada bulan sebelumnya. (RTT)
- UK: **Jangkaan inflasi meningkat pada bulan Ogos.** Survei Tingkahlaku Inflasi Bank of England menunjukkan inflasi pengguna di UK dijangka meningkat. Inflasi dijangka pada kadar 2.7% berbanding 2.4% pada bulan Mei. Jangkaan inflasi selama dua belas bulan setelah itu meningkat menjadi 2.2% dari 1.9% pada tempoh tinjauan sebelumnya. (RTT)
- CHINA: **China dijangka mengekalkan kadar penanda aras pada bulan September** dan sebahagian penganalisis menjangkakan lebih banyak kecairan tunai. China akan mengekalkan kadar pinjaman penanda arasnya stabil pada bulan ke-17 pada penetapan September, menurut tinjauan Reuters, tetapi peserta pasaran menjangkakan langkah-langkah kecairan yang lebih disasarkan ketika ekonomi bergelut dengan varian Delta. 95% daripada 20 penganalisis, dalam tinjauan pendapat meramalkan tiada perubahan sama ada pada Kadar Perdana Pinjaman satu tahun (LPR) atau tempoh lima tahun selepas PBOC mengekalkan kadar faedah pinjaman jangka sederhananya minggu ini. (Reuters)
- JAPAN: **Japan menurunkan tinjauan ekonominya di tengah peningkatan risiko jangkitan COVID-19 semasa dan luar negara serta kesan negatif rantaian bekalan.** Ekonomi Japan terus meningkat, walaupun pada momentum lebih rendah akibat COVID-19. Kerajaan menurunkan penilaian terhadap perbelanjaan swasta dan pengeluaran industri. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Kerajaan** akan memberikan bantuan **Geran Khas Prihatin (GKP) 4.0** berjumlah **RM500 juta** mulai **21 September 2021** kepada **perusahaan kecil dan sederhana** yang **terkesan** bagi meringankan beban golongan tersebut. **Jumlah peruntukan** yang telah dan akan disalurkan kepada lebih sejuta PKS mikro di bawah GKP sejak COVID-19 melanda negara adalah **RM6.08 bilion**.
2. **Peruntukan lebih RM471.6 juta** akan disalurkan kepada **Keluarga Malaysia** bagi **kategori B40** di bawah **Pakej Penjagaan COVID-19**. Antara bantuan yang diberikan adalah bantuan PPC, yang terdiri daripada pek pelitup muka guna semula, kit ujian kendiri COVID-19, satu oximeter, satu termometer dan risalah panduan penggunaan serta info kesihatan. Inisiatif ini dijangka akan memberi **manfaat** kepada lebih kurang **3.6 juta keluarga B40**.
3. Di bawah **Rancangan Malaysia Ke-11**, sejumlah **3,358 syarikat** telah **mendaftar** melalui **Program eTrade 2.0 Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade)** yang bertujuan mempercepatkan eksport melalui penyertaan berterusan dalam platform e-dagang rentas sempadan, menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Program tersebut telah **menjana eksport** sehingga **RM376.3 juta**, serta **membantu syarikat baharu** mengeksport dengan insentif sehingga **RM5,000** bagi langganan selama setahun untuk mana-mana platform e-dagang rentas sempadan yang dipilih.
4. **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)** akan **membuka** lebih banyak **lokasi pelancongan** untuk dikunjungi rakyat dalam masa terdekat antaranya **Pulau Redang, Pulau Pangkor, dan Pulau Tioman** serta pusat peranginan tanah tinggi seperti **Cameron Highlands dan Genting Highlands**. Hotel dan destinasi sama ada di pulau atau daratan, dibenarkan membuka destinasi pelancongan tetapi bukan untuk orang dari negeri luar.
5. **Top Glove Corp Bhd** dijadualkan untuk **kembali mengeksport ke Amerika Syarikat (AS)** seawal hujung **September 2021** selepas pihak berkuasa **kastam AS** **membatalkan larangan** selama setahun yang dikenakan terhadap pengeluar sarung tangan itu susulan dakwaan bahawa ia menggunakan buruh paksaan. Perkembangan ini diharapkan dapat **meningkatkan penjualan** daripada operasi Top Glove Malaysia ke AS, yang **menyumbang 15 peratus** daripada jumlah jualan kumpulan.

6. **Harga bagi cip semikonduktor dijangka meningkat** merentasi spektrum berikutan kekurangan cip global yang dijangka berlanjut sehingga akhir tahun depan. Pembuat cip terbesar dunia, Taiwan Semiconductor Manufacturing Co telah menaikkan harga merentasi spektrum, sebahagiannya sehingga 20 peratus, manakala pembuat cip China telah disaman oleh kerajaan China kerana peningkatan harga yang amat tinggi.
7. **Syarikat penerbangan Malaysia dan antarabangsa optimis** dengan pemulihan perjalanan udara dengan Malaysia Airlines menjangkakan langkah untuk **membenarkan gelembung perjalanan** bermula dengan Langkawi pada bulan ini untuk memulakan langkah **pemulihan** sepenuhnya pasaran domestik menjelang **akhir tahun**. Malaysia Airlines menjangkakan sekitar 75 peratus kapasiti paras pra-COVID 19 setelah perjalanan rentas negeri dibenarkan untuk bersambung semula bagi penumpang yang mempunyai vaksinasi lengkap.
8. **Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid** memaklumkan **penggunaan teknologi percetakan pembinaan 3D** amat **sesuai** dengan **situasi sekarang** ketika negara sedang dilanda COVID-19 kerana ramai pekerja asing balik ke negara asal atau tidak dapat bekerja susulan ketetapan prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN). Justeru, **teknologi** dapat **membantu** industri pembinaan meneruskan operasi **tanpa bergantung** kepada **ramai tenaga kerja**.
9. **Lebih 40 peratus taman tema dan pusat hiburan keluarga di Malaysia** akan ditutup sepenuhnya jika masih tidak dibenarkan beroperasi sehingga akhir tahun ini. Sektor itu berdepan dengan **kerugian** sehingga **lebih RM5 bilion** dalam tempoh 18 **bulan** lalu dan jumlah itu **dijangka terus meningkat**.
10. **Kerajaan memutuskan bahawa tiada kemasukan pekerja asing ke dalam negara termasuk pembantu rumah warga asing sehingga 31 Disember 2021.** Sehingga Ogos 2021, **terdapat seramai 92,481 pembantu rumah warga asing** dalam negara dan daripada jumlah tersebut, 64,181 adalah daripada Perkhidmatan Domestik Indonesia.
11. **The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)** menyambut baik keputusan kerajaan **memberikan kelulusan khas bagi kemasukan 32 ribu pekerja asing** untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja dalam **sektor perladangan**. Langkah ini akan memberi kelegaan kepada sektor perladangan terutamanya industri minyak

sawit yang mengalami kerugian di mana kekurangan pekerja telah menjejaskan musim penuaan puncak.

12. **Kementerian Sumber Manusia** melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat **akan membawa cadangan menyediakan perlindungan PERKESO kepada kira-kira 2 juta suri rumah kumpulan pendapatan B40 ke kabinet.** Langkah ini bagi melindungi kumpulan berkenaan yang terjejas akibat pandemik terutamanya apabila suami sebagai pencari nafkah tidak dapat keluar bekerja.
13. **Pembukaan Langkawi** pulihkan prospek **sektor penerbangan dikala pandemik COVID-19 dengan pertambahan trafik orang ramai dan tambang rendah** bagi perjalanan udara, di samping promosi hotel yang sedang dijalankan di Langkawi.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Awani 17 September 2021 (Non-essential)	<p>GKP 4.0: Kerajaan salur RM500 juta kepada PKS mikro, bayaran mulai 21 Sept</p> <p>Kerajaan menyalur bantuan Geran Khas Prihatin (GKP) 4.0 sebanyak RM500 juta di bawah Paket Perlindungan Rakyat dan Pemulihhan Ekonomi (PEMULIH).</p> <p>Jumlah peruntukan yang telah dan akan disalurkan kepada lebih sejuta juta PKS mikro di bawah GKP sejak COVID-19 melanda negara adalah RM6.08 bilion.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gkp-40-kerajaan-salur-rm500-juta-kepada-pks-mikro-bayaran-mulai-21-sept-320266
2.	Berita Harian 19 September 2021 (Non-essential)	<p>Lebih RM471.6 juta laksana Paket Penjagaan COVID-19</p> <p>Bagi pelaksanaan Paket Penjagaan COVID-19 (PPC) kerajaan akan memperuntukkan lebih RM471.6 juta kepada Keluarga Malaysia bagi kategori B40. Antara bantuan yang diberikan adalah bantuan PPC, yang terdiri daripada paket pelitup muka guna semula, kit ujian kendiri COVID-19, satu oximeter, satu termometer dan risalah panduan penggunaan serta info kesihatan. Inisiatif ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih kurang 3.6 juta keluarga B40.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/865947/lebih-rm4716-juta-laksana-pakej-penjagaan-covid-19

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan akan memberikan bantuan berjumlah RM500 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana yang terkesan bagi meringankan beban golongan tersebut.
2. Peruntukan lebih RM471.6 juta akan disalurkan kepada kepada Keluarga Malaysia bagi kategori B40 dibawah Pakej Penjagaan COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Langkah kerajaan untuk menyuntik bantuan kepada usahawan yang terkesan akan mengurangkan impak negatif terhadap golongan tersebut. Pemulihan sektor PKS dilihat sangat penting untuk memastikan ekonomi negara dapat dijana semula.
2. Bantuan khas yang disalurkan kerajaan merupakan antara langkah progresif bagi membantu aliran tunai terhadap golongan yang memerlukan. Pada ST2 2021, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan berkembang 9.0 peratus (ST1 2021: 5.9%) disumbangkan oleh perbelanjaan yang tinggi ke atas bekalan dan perkhidmatan.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Harian Metro 17 September 2021 (Non-essential)	<p>Kejayaan PKS Sarawak bangunkan perniagaan jadi inspirasi</p> <p>Luar biasa, ini frasa paling sesuai untuk menggambarkan kegigihan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Sarawak yang bertungkus lumus membangunkan perniagaan mereka.</p> <p>Walaupun perniagaan terjejas akibat pandemik, tiada keluhan sebaliknya masing-masing berusaha mencari cara untuk memperbaiki strategi supaya perniagaan kekal berdaya tahan.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/755900/kejayaan-pks-sarawak-bangunkan-perniagaan-jadi-inspirasi
2.	Harian Metro 17 September 2021 (Non-essential)	Ni Hsin jalin kerjasama dengan TAILG untuk kenderaan elektrik	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/755967/ni-hsin-

		<p>Ni Hsin EV Tech Sdn Bhd, subsidiari milik penuh Ni Hsin Group Berhad (Ni Hsin), hari ini memeterai memorandum persefahaman dengan Dongguan Tailing Motor Vehicle Co Ltd (TAILG).</p> <p>Ia bagi kolaborasi dan meneroka peluang di dalam kajian, penyelidikan, pembangunan, pemasangan dan pengedaran kenderaan elektrik (EV) disesuaikan untuk tujuan komersial di Malaysia dan rantau Asean.</p>	<u>jalin-kerjasama-dengan-tailg-untuk-kenderaan-elektrik</u>
3.	Harian Metro 18 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Nestle bakal beralih kepada sistem makanan regenerative</p> <p>Nestle merangka pelan untuk menyokong dan mempercepat proses peralihan kepada sistem makanan regeneratif yang bertujuan bagi melindungi dan memulihkan alam sekitar, mempertingkatkan kehidupan dan kesejahteraan golongan petani.</p> <p>Nestle akan bekerjasama dengan rakan niaga dalam sistem makanannya termasuk rangkaian syarikat lebih daripada 500,000 petani dan 150,000 pembekal untuk memajukan amalan pertanian regeneratif pada sistem makanan.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/756256/nestle-bakal-beralih-kepada-sistem-makanan-regeneratif
4.	Berita Harian 20 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Ekspo Go-eCommerce dijangka tingkatkan jualan dalam talian</p> <p>Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) melancarkan Ekspo Go-eCommerce 2021, persidangan e-dagang maya untuk memacu adaptasi e-dagang</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/866413/ekspo-go-e-commerce-dijangka-tingkatkan-jualan-dalam-talian

		<p>dalam kalangan perniagaan tempatan dengan memanfaatkan inisiatif Go-eCommerce Belanjawan 2021.</p> <p>MDEC bekerjasama dengan 23 rakan kongsi seperti Alacarte, DeliverEat, DHause, dropee, Eromman, EZAssist, Food Market Hub, Foodpanda, Grab, iBeli, Instantestore, JDMas, JOCOM, Kravve, Kumoten, Lazada, Mpay, PG Mall, Senangpay, Shopee, SHOPLINE, Sitegiant dan Subplace untuk memastikan capaian khalayak yang lebih luas dan meningkatkan penglibatan perniagaan tempatan</p>	
B. Subsektor Kewangan			
5.	The Edge 20 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Dayang Enterprise's 2Q net loss widens year-on-year amid additional allowance for impairment losses</p> <p>Dayang Enterprise Holdings Bhd's net loss for the second quarter ended June 30, 2021 (2QFY21) widened to RM21.89 million from RM985,000 a year ago, due to higher operating costs amid the COVID-19 pandemic.</p> <p>Quarterly revenue fell 6.59% to RM159.69 million from RM170.95 million a year ago, as vessel utilisation declined to 51% from 52% in 2QFY20. The group said the lower vessel utilisation was a result of delayed work orders/contracts being awarded from oil majors in 2QFY21 arising from the impact of Movement Control Order (MCO).</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/dayang-enterprises-2q-net-loss-widens-yearonyear-amid-additional-allowance-impairment-losses

	C. Subsektor Kesihatan		
6.	Berita Harian 17 September 2021 <i>(Essential)</i>	Tempahan hotel 5 bintang di Langkawi cecah 80 peratus Hotel di Pulau Langkawi semakin mendapat sambutan sejak pembukaan sektor pelancongan di kawasan ini dibuka dan pihak hotel menerima 100 peratus tempahan bilik bagi yang berstatus lima bintang sehingga hujung bulan ini. Justeru itu, ia menunjukkan bahawa sektor perhotelan di Pulau Langkawi bersedia untuk pulih seperti biasa.	https://www.bharain.com.my/berita/nasional/2021/09/865186/tempahan-hotel-5-bintang-di-langkawi-cecah-80-peratus
7.	Berita Harian 18 September 2021 <i>(Essential)</i>	Hotel Seri Malaysia Ipoh dijadikan PKRC swasta Hotel Seri Malaysia dijadikan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) swasta berisiko rendah bagi mengurangkan beban petugas barisan hadapan di PKRC awam. Pembukaan PKRC swasta juga dapat memberi pilihan kepada pesakit positif COVID-19 untuk menjalani kuarantin dan rawatan dengan lebih selesa, jelas Pengurus PKRC swasta, Dr Hanafi Yahya.	https://www.bharain.com.my/berita/nasional/2021/09/865585/hotel-seri-malaysia-ipoh-dijadikan-pkrc-swasta
8.	Berita Harian 18 September 2021 <i>(Essential)</i>	Semua perlu sentiasa patuhi SOP Pemilik hotel dan inap desa serta restoran di negeri Perlis diingatkan sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mencegah penularan wabak COVID-19, berikutan kehadiran pelancong yang transit untuk ke Pulau Langkawi.	https://www.bharain.com.my/berita/nasional/2021/09/865628/sempu-perlu-sentiasa-patuhi-sop

		Antara SOP yang perlu dilaksanakan adalah dengan mengawal kemasukan ke premis dengan baik iaitu hanya individu yang tidak bergejala dan berisiko rendah sahaja dibenarkan memasuki premis serta mengawal jumlah pelanggan dalam satu-satu masa.	
9.	Berita Harian 20 September 2021 <i>(Essential)</i>	PARLIMEN: Lebih banyak destinasi pelancongan akan dibuka Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan membuka lebih banyak lokasi pelancongan untuk dikunjungi rakyat dalam masa terdekat. Langkah itu adalah antara usaha memulihkan industri pelancongan yang terkesan teruk disebabkan pandemik COVID-19. Di samping itu, hotel dan destinasi sama ada di pulau atau daratan, dibenarkan membuka destinasi pelancongan tetapi bukan untuk orang dari negeri luar	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/09/866253/parlimen-lebih-banyak-destinasi-pelancongan-akan-dibuka
	D. Subsektor Kesihatan		
10.	Berita Harian 17 September 2021 <i>(Essential)</i>	KKM sasar 20% hospital swasta diiktiraf Hospital Rakan Bayi Kementerian Kesihatan (KKM) menyasarkan untuk meningkatkan peratusan hospital swasta yang diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi kepada 20 peratus, menjelang 2025. Berdasarkan data terkini, hanya 22 buah atau 12.6 peratus daripada 175 hospital swasta di Malaysia sudah diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi	https://www.hmetron.com.my/mutakhir/2021/09/756074/kkm-sasar-20-hospital-swasta-diiktiraf-hospital-rakan-bayi

		manakala semua hospital kerajaan sudah menjayakannya lebih awal. .	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Ni Hsin EV Tech Sdn Bhd memeterai memorandum persefahaman dengan Dongguan Tailing Motor Vehicle Co Ltd (TAILG).
2. Nestle akan bekerjasama dengan rakan niaga dalam sistem makanannya untuk memajukan amalan pertanian regeneratif pada sistem makanan.
3. *Dayang Enterprise Holdings Bhd's net loss for the second quarter ended June 30, 2021 (2QFY21) widened to RM21.89 million from RM985,000 a year ago, due to higher operating costs amid the COVID-19 pandemic.*
4. Hotel di Pulau Langkawi yang kehilangan pendapatan sejak lebih setahun setengah susulan penutupan sektor pelancongan akibat COVID-19 menerima 100 peratus tempahan bilik bagi yang berstatus lima bintang sehingga hujung bulan ini.
5. Hotel Seri Malaysia, Ipoh dijadikan sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) swasta berisiko rendah bagi mengurangkan beban petugas barisan hadapan di PKRC awam. Kos kuarantin dan rawatan bagi pesakit positif COVID-19 berisiko rendah di PKRC itu adalah antara RM150 dan RM300 sehari.
6. Pemilik hotel dan inap desa serta restoran di Perlis diingatkan sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mencegah penularan wabak COVID-19, berikutan kehadiran pelancong yang transit untuk ke Pulau Langkawi.
7. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan membuka lebih banyak lokasi pelancongan untuk dikunjungi rakyat dalam masa terdekat antaranya Pulau Redang, Pulau Pangkor, dan Pulau Tioman serta pusat peranginan tanah tinggi seperti Cameron Highlands dan Genting Highlands. Hotel dan destinasi sama ada di pulau atau daratan, dibenarkan membuka destinasi pelancongan tetapi bukan untuk orang dari negeri luar.
8. KKM memahami hospital swasta mempunyaikekangan sendiri lantas tidak meletak sasaran yang tinggi tetapi apa yang pasti adalah kerajaan sedang berusaha untuk mencapai sasaran berkenaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Memorandum persefahaman antara Ni Hsin EV Tech Sdn Bhd dan TAILG bakal memberikan impak positif kepada industri electric vehicles di Malaysia.

2. Penganjuran pelbagai program untuk memajukan e-dagang akan mencipta lebih banyak peluang dan aliran pendapatan dengan memajukan ekonomi digital secara inklusif selaras dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
3. Gelembung pelancongan di Langkawi bermula 16 September dijangkakan akan memberi kesan peningkatan pendapatan industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST3 2021.
4. Pelan Pemulihan Pelancongan (PPP) yang dilaksanakan oleh MOTAC telah mengembalikan keyakinan pelancong terhadap tahap keselamatan di sesuatu destinasi pelancongan. Selain itu, usaha ini juga mampu menjana semula pendapatan sektor pelancongan negara secara berterusan selepas pembukaan sektor ini secara berperingkat kelak.
5. Pelbagai inisiatif kerajaan dalam menyasarkan peningkatan 20 peratus hospital swasta sebagai Hospital Rakan Bayi menjelang 2025 dalam amalan penyusuan ibu adalah makanan terbaik kepada bayi kerana mampu mencegah bayi mendapat penyakit kronik pada masa mendatang

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 17 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Top Glove memulakan eksport ke AS hujung September</p> <p>Top Glove Corp Bhd dijadualkan untuk kembali mengeksport ke Amerika Syarikat (AS) seawal hujung September 2021 selepas pihak berkuasa kastam AS membatalkan larangan selama setahun yang dikenakan terhadap pengeluar sarung tangan itu susulan dakwaan bahawa ia menggunakan buruh paksaan.</p> <p>Operasi Top Glove di Malaysia telah dibenarkan untuk mengeksport dan menjual sarung tangan ke AS berkuatkuasa pada 10 September 2021, menunjukkan bahawa kumpulan</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2004350

		<p>tersebut telah memenuhi semua penanda aras berkaitan buruh paksa di kilang-kilangnya di negara ini.</p> <p>Perkembangan ini diharapkan dapat meningkatkan penjualan daripada operasi Top Glove Malaysia ke AS, yang menyumbang 15 peratus daripada jumlah jualan kumpulan.</p>	
2.	Bernama 20 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kekurangan cip semikonduktor global dijangka lebih buruk, dorong kenaikan harga – Moody's</p> <p>Harga bagi cip semikonduktor dijangka meningkat merentasi spektrum berikutan kekurangan cip global yang dijangka berlanjut sehingga akhir tahun depan.</p> <p>Pembuat cip terbesar dunia, Taiwan Semiconductor Manufacturing Co telah menaikkan harga merentasi spektrum, sebahagianya sehingga 20 peratus, manakala pembuat cip China telah disaman oleh kerajaan China kerana peningkatan harga yang amat tinggi.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2004938
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> Top Glove Corp Bhd dijadualkan untuk kembali mengeksport ke Amerika Syarikat (AS) seawal hujung September 2021 selepas pihak berkuasa kastam AS membatalkan larangan selama setahun yang dikenakan terhadap pengeluar sarung tangan itu susulan dakwaan bahawa ia menggunakan buruh paksaan. Perkembangan ini diharapkan dapat meningkatkan penjualan daripada operasi Top Glove Malaysia ke AS, yang menyumbang 15 peratus daripada jumlah jualan kumpulan. 			

2. Harga bagi cip semikonduktor dijangka meningkat merentasi spektrum berikutan kekurangan cip global yang dijangka berlanjutan sehingga akhir tahun depan. Pembuat cip terbesar dunia, Taiwan Semiconductor Manufacturing Co telah menaikkan harga merentasi spektrum, sebahagiannya sehingga 20 peratus, manakala pembuat cip China telah disaman oleh kerajaan China kerana peningkatan harga yang amat tinggi.

Maklumbalas Bahagian:

- Nilai eksport sarung tangan perubatan bagi Julai 2021 adalah RM134.1 juta dan menyusut RM44.9 juta atau 25.1 peratus bulan ke bulan. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport sarung tangan perubatan bagi Julai 2021 sebanyak RM56.3 juta atau 42.0 peratus, diikuti oleh India (RM7.8 juta atau 5.8 peratus) dan Belgium (RM6.9 juta atau 5.1 peratus). Eksport sarung tangan perubatan ke Amerika Syarikat bagi Julai 2021 menyusut RM3.4 juta atau 5.7 peratus berbanding bulan sebelumnya. Eksport ke Amerika Syarikat mula mencatatkan penyusutan pada Mac 2021 sebanyak RM9.2 juta atau 15.4 peratus bulan ke bulan.
- Nilai eksport bagi kod HS empat digit 8541; *diodes, transistors and similar semiconductor devices; photosensitive semiconductor devices, including photovoltaic cells whether or not assembled in modules or made up into panels; light-emitting diodes (led); mounted piezo-electric crystals* yang terkandung di dalamnya cip semikonduktor bagi Julai 2021 adalah RM2,601.4 juta dan menyusut RM370.0 juta atau 12.5 peratus bulan ke bulan. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport cip semikonduktor dengan nilai eksport bagi Julai 2021 adalah RM702.1 juta atau 27.0 peratus, diikuti oleh Hong Kong (RM386.9 juta atau 14.9 peratus) dan Singapura (RM279.5 juta atau 10.7 peratus).

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 17 September 2021 (non-essential)	<p>Teknologi 3D kurangkan buruh pembinaan asing</p> <p>Sektor pembinaan negara bakal menggunakan teknologi percetakan pembinaan tiga dimensi (3D), satu pembaharuan yang menjadi anjakan baharu berimpak tinggi yang berupaya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/865131/teknologi-3d-kurangkan-buruh-pembinaan-asing

2.	The Edge Markets 18 September 2021 <i>(non-essential)</i>	Construction work on Gurney Wharf project to start at end 2021 - Penang exco <p>Jagdeep Singh Deo said that construction work on the delay RM176 million Gurney Wharf project is expected to begin at the end of 2021 and scheduled to be completed by the fourth quarter of 2023.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/construction-work-gurney-wharf-project-start-end2021-%E2%80%94-penang-exco
3.	The Star 17 September 2021 <i>(non-essential)</i>	Chip supply, testing woes to further curb light vehicle production in 2021 <p>Semiconductor shortages and the delayed packaging and testing of the chips will cause production of global light vehicles to drop by five million this year. Packaging and testing operations within the semiconductor sector in Malaysia were impacted due to the government's lockdown measures in early June, IHS said, compounding difficulties in an already constrained supply chain.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/17/chip-supply-testing-woes-to-further-curb-light-vehicle-production-in-2021
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid memaklumkan penggunaan teknologi percetakan pembinaan 3D amat sesuai dengan situasi sekarang ketika negara sedang dilanda COVID-19 kerana ramai pekerja asing balik ke negara asal atau tidak dapat bekerja susulan ketetapan prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN). Justeru, teknologi dapat membantu industri pembinaan meneruskan operasi tanpa bergantung kepada ramai tenaga kerja. <i>The project consist two-phase where it feature a children's play area, skate park, viewing deck, public toilets, promenade for pedestrians, hawker kiosks, retail areas, surau, landscaping area, recreation park and multi-storey car park.</i> 			

3. Citing supply chain challenges, IHS said it was cutting its light vehicle production forecast by 6.2% for 2021 and 9.3% for 2022, to stand at 75.8 million units and 82.6 million units, respectively. IHS stated that the situation in Malaysia, which is responsible for 13% of the global supply of semiconductors for the automotive industry, has become more pessimistic. Automakers from General Motors to Japan's Toyota have reduced output and sales forecasts due to scarce chip supplies, made worse by a COVID-19 resurgence in key Asian semiconductor production hubs. Recent COVID-19 outbreaks in Asia, for example in Malaysia, are forcing semiconductor manufacturers to close their factories again. This has resulted in industry-wide adjustments to car production, and SKODA AUTO is also affected.

Maklumbalas Bahagian:

1. Teknologi percetakan pembinaan 3D dikenal pasti antara 12 teknologi yang diberi fokus dalam Pelan Strategik Industri Pembinaan 4.0 (2021-2025) yang diperkenalkan CIDB. Langkah pengkomersialan teknologi percetakan pembinaan 3D pada peringkat domestik akan meletakkan Malaysia sebagai pelopor dalam teknologi binaan di Asia Tenggara. CIDB sedang berusaha melaksanakan projek perintis menggunakan teknologi ini dengan projek perintis rumah mampu milik teknologi 3D dijalankan dengan kerjasama sebuah syarikat tempatan iaitu KA Bina Sdn Bhd. Bahagian akan memantau penggunaan Building Information Modeling (BIM) yang merupakan antara teknologi percetakan pembinaan 3D dengan memasukkan soalan penggunaan teknologi ini di dalam survei ekonomi tahunan dan Banci Ekonomi pada masa akan datang.
2. Kerja pembinaan bagi projek Gurney Wharf yang tertunda akibat COVID-19 sebelum ini dijangka bakal dimulakan pada akhir tahun 2021 dan dijadualkan siap pada suku keempat 2023. Pada suku kedua 2021, Pulau Pinang merupakan penyumbang kelima tertinggi di dalam Negara dengan nilai kerja mencapai RM1.9 bilion dan projek ini bakal memberi kesan positif kepada sektor pembinaan di Pulau Pinang pada masa akan datang.
3. Operasi bagi sektor semikonduktor di Malaysia terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh kerajaan pada awal bulan Jun lalu. Mengikut data IHS, Malaysia bertanggungjawab membekalkan sebanyak 13% bekalan semikonduktor untuk industri automotif di peringkat global. Kekurangan bekalan semikonduktor menyebabkan pengeluaran kenderaan ringan secara global menurun sebanyak lima juta tahun ini. Data Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) bagi kumpulan Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler bagi bulan rujukan Jun 2021 dan Julai 2021 menunjukkan penurunan masing-masing sebanyak -57.1% dan -55.9% berbanding tahun sebelumnya.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	News Strait Times 17 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Malaysian, international airlines upbeat about air travel recovery by year-end</p> <p>Malaysian and international airlines are upbeat about air travel recovery sooner rather than later, with Malaysia Airlines expecting the move to allow travel bubble starting with Langkawi this month to kick-start a full recovery of the domestic market by the year-end. Malaysia Airlines said about 75 per cent capacity of pre-COVID-19 level would likely return once the interstate travel was allowed to resume for all fully-vaccinated passengers. Since the government announced the relaxation of the travel restriction, coupled with the latest milestones by Malaysia Airlines where all of our operating pilots and cabin crew are now vaccinated, we expect the demand to improve gradually. The government had introduced the travel bubble initiative starting with Langkawi on September 16. This would serve as a benchmark for the reopening of more tourist destinations in the country. Malaysia Airlines said the demand for commercial airlines on the domestic market would further improve towards the fourth quarter (Q4) of 2021 due to the anticipation of further relaxation in terms of the travel restriction and higher vaccination rate among Malaysians. Malaysia Airlines upholds high standards in cleaning and disinfecting its</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/09/727995/malaysian-international-airlines-upbeat-about-air-travel-recovery-year-end

	<p>aircraft. It is working closely with the Health Ministry and stands guided by International Civil Aviation Organisation's (ICAO) standard and recommended practices to comply with the requirements related to COVID-19. According to MAB, when an aircraft completes a journey, all regularly touched hard surfaces in the cabin, including seats, tray-tables, overhead bins, lavatories and galleys, will go through a disinfection process as a routine. Besides disinfecting the affected surfaces, Malaysia Airlines said all soft furnishings such as pillows and blankets are wrapped in bags and replaced during every transit. The airline said its aircraft fleet was installed with High-Efficiency Particulate Arresters (HEPA) filters in their cabin environment conditioning system to reduce the risk of in-flight transmission. These filters have excellent filtration capability filtering out 99.97 per cent of viruses and other microorganisms on board.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Syarikat penerbangan Malaysia dan antarabangsa optimis dengan pemulihan perjalanan udara dengan Malaysia Airlines menjangkakan langkah untuk membenarkan gelembung perjalanan bermula dengan Langkawi pada bulan ini untuk memulakan langkah pemulihan sepenuhnya pasaran domestik menjelang akhir tahun. Malaysia Airlines menjangkakan sekitar 75 peratus kapasiti paras pra-COVID 19 setelah perjalanan rentas negeri dibenarkan untuk bersambung semula bagi penumpang yang mempunyai vaksinasi lengkap. Menurut timbalan presiden Qatar Airways (Jualan Asia Tenggara dan Asia Selatan), terdapat peningkatan penumpang terutamanya dengan pemberian vaksin global dan pembukaan semula negara-negara seperti AS dan Eropah.

Maklumbalas Bahagian:

- Pelaksanaan projek rintis gelembung pelancongan di Langkawi dan pemberian vaksin yang tinggi secara global telah membenarkan beberapa aktiviti kembali rancak semula untuk kembali kepada paras pra-COVID 19 terutamanya Perjalanan. Ini memberi impak positif kepada penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya komponen Perjalanan. Pada suku tahun kedua 2021, komponen Perjalanan merekodkan defisit RM3.6 bilion berbanding RM3.4 bilion pada suku sebelumnya.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 17 Sept. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Hampir separuh taman tema berisiko tutup operasi</p> <p>Lebih 40 peratus taman tema dan pusat hiburan keluarga di Malaysia akan ditutup sepenuhnya jika masih tidak dibenarkan beroperasi sehingga akhir tahun ini.</p> <p>Presiden Persatuan Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga Malaysia (MATFA), berkata taman tema dan pusat hiburan keluarga antara sektor dalam industri pelancongan yang pertama ditutup sejak pandemik COVID-19 melanda negara.</p> <p>Sektor itu mengalami kerugian sehingga lebih RM5 bilion dalam tempoh 18 bulan lalu dan jumlah itu dijangka terus meningkat.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/865226/hampir-separuh-taman-tema-berisiko-tutup-operasi
2.	Berita Harian 17 Sept. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Program Etrade 2.0 tarik 3,358 firma, RM376.3 juta nilai eksport</p> <p>Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, sejumlah 3,358 syarikat telah mendaftar di bawah Program eTrade 2.0 Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/865431/program-etrade-20-tarik-3358-firma-rm3763-juta-nilai-eksport

		<p>Malaysia (Matrade) yang bertujuan mempercepatkan eksport melalui penyertaan berterusan dalam platform e-dagang rentas sempadan, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).</p> <p>Timbalan Menteri MITI, menyatakan program itu, yang telah menjana eksport sehingga RM376.3 juta, akan terus membantu syarikat baharu mengeksport dengan insentif sehingga RM5,000 bagi langganan selama setahun untuk mana-mana platform e-dagang rentas sempadan yang dipilih.</p>	
3.	Berita Harian 17 Sept. 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Pembukaan Langkawi pulihkan prospek sektor penerbangan</p> <p>Prospek industri penerbangan dilihat lebih positif susulan pembukaan semula Langkawi kepada pelancong yang lengkap divaksin, dengan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dijangka menerima manfaat langsung daripada gelembung perjalanan domestik.</p> <p>CGS-CIMB Securities dalam notanya berkata, pemulihan bagi kapasiti pesawat dan perjalanan udara ke Langkawi adalah baik kepada MAHB disebabkan pertambahan trafik orang ramai dan tambang rendah bagi perjalanan udara, di samping promosi hotel yang sedang dijalankan di Langkawi.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/865249/pembukaan-langkawi-pulihkan-prospek-sektor-penerbangan

Penemuan penting & isu:

1. Lebih 40 peratus taman tema dan pusat hiburan keluarga di Malaysia akan ditutup sepenuhnya jika masih tidak dibenarkan beroperasi sehingga akhir tahun ini. Menurut Presiden Persatuan Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga Malaysia (MATFA), taman tema dan pusat hiburan keluarga antara sektor dalam industri pelancongan yang pertama ditutup sejak pandemik COVID-19 melanda negara. Sektor tersebut mengalami kerugian melebihi RM5 bilion dalam tempoh 18 bulan lalu dan jumlah itu dijangka terus meningkat.
2. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, sejumlah 3,358 syarikat telah mendaftar melalui Program eTrade 2.0 Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) yang bertujuan mempercepatkan eksport melalui penyertaan berterusan dalam platform e-dagang rentas sempadan, menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Program tersebut telah menjana eksport sehingga RM376.3 juta, serta membantu syarikat baharu mengeksport dengan insentif sehingga RM5,000 bagi langganan selama setahun untuk mana-mana platform e-dagang rentas sempadan yang dipilih.
3. Prospek industri penerbangan dilihat lebih positif susulan pembukaan semula Langkawi kepada pelancong yang lengkap divaksin, dengan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dijangka menerima manfaat langsung daripada gelembung perjalanan domestik. CGS-CIMB Securities dalam notanya berkata, pemulihan bagi kapasiti pesawat dan perjalanan udara ke Langkawi adalah baik kepada MAHB disebabkan pertambahan trafik orang ramai dan tambang rendah bagi perjalanan udara, di samping promosi hotel yang sedang dijalankan di Langkawi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Taman tema dan pusat hiburan keluarga antara aktiviti dalam industri pelancongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Oleh itu, pelaksanaan kerajaan melalui kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) dan kejayaan pencapaian imuniti kelompok akan mendorong kepada pembukaan aktiviti ekonomi sepenuhnya bagi mengembalikan pertumbuhan ekonomi. Prestasi industri pelancongan ini terjejas berikutan perbelanjaan pelancongan domestik pada tahun 2020 merosot 60.8 peratus kepada RM40.4 bilion (2019: 103.2 bilion).
2. Inisiatif Kerajaan mempergiat eksport negara melalui program eTrade 2.0 memberi manfaat kepada syarikat baharu yang mendaftar di bawah program tersebut. Selain itu, peralihan operasi perniagaan daripada fizikal kepada e-dagang dalam norma baharu pandemik merupakan langkah untuk menjangkau pelanggan merentas sempadan. Di samping itu, program dijangka memanfaatkan teknologi dengan meluas bagi

<p>menggalakkan eksport barang tempatan ke pasaran antarabangsa sebagai alternatif kepada aktiviti perniagaan konvensional. Eksport meningkat 44.0 peratus pada suku kedua 2021 berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.</p>			
G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan 20 September 2021 <i>(Essential)</i>	Usaha KPDNHEP berhasil, harga ayam mula turun Harga ayam bersih standard di beberapa negeri seperti Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Kuala Lumpur kini dijual di bawah harga RM10 sekilogram.	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/09/usaha-kpdnhep-berhasil-harga-ayam-mula-turun/
2.	Berita Harian 20 September 2021 <i>(Essential)</i>	Harga sesetengah jenis sayur naik hingga 30 peratus Harga sayur di seluruh negara meningkat antara 20 sehingga 30 peratus sejak bulan lalu berikutan keadaan cuaca hujan hampir setiap hari.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/866306/harga-sesetengah-jenis-sayur-naik-hingga-30-peratus
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemeriksaan dijalankan pihak kementerian mendapati hanya pasar awam Harga ayam di pasar awam Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) yang masih pada harga RM10 sekilogram, sementara pasar-pasar lain seperti di Pasar Chow Kit kebanyakannya peniaga menjual ayam di bawah RM10 sekilogram. Harga purata ayam bersih standard peringkat nasional adalah pada paras RM8.83 sekilogram. Di Semenanjung, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.78 sekilogram dan julat harga jualan adalah antara RM5.99 hingga RM11 sekilogram. Di Sabah, harga purata ayam bersih standard adalah pada RM11.33 sekilogram. Manakala di Sarawak, harga purata ayam bersih standard adalah RM8.56 sekilogram. 2. Harga sayur di seluruh negara meningkat antara 20 sehingga 30 peratus sejak bulan lalu berikutan keadaan cuaca hujan hampir setiap hari. Beberapa jenis sayur yang mendapat permintaan tinggi seperti sawi, cili, lada benggala dan beberapa jenis salad yang berdepan kenaikan harga. Faktor kekurangan sayur import ketika ini juga menyebabkan permintaan sayur tempatan semakin meningkat. Oleh kerana pengeluaran sayur di 			

Malaysia tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan, kita turut mengimport pelbagai sayur terutama dari China. China mengalami musim panas dan hanya memberi tumpuan menanam padi berbanding sayuran sekali gus menyebabkan jumlah sayur import berkurangan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kenaikan harga ayam akan memberi kesan kepada kenaikan harga barang keperluan asas pengguna dan ianya turut memberi impak kepada kos sara hidup rakyat ketika dalam fasa pandemik COVID-19. Kawalan harga oleh kementerian yang berkenaan secara tidak langsung akan meredakan tekanan inflasi bagi item ayam dan sekali gus mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat.
2. Peningkatan harga sayuran secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada Indeks Harga Pengguna September 2021 bagi subkumpulan Sayur-sayuran. Pada Julai 2021, subkumpulan ini menunjukkan peningkatan 0.8 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 19 September 2021 (Non-Essential)	<p>COVID-19: Ada 14,954 kes baharu</p> <p>Angka penularan COVID-19 di negara ini terus mencatatkan penurunan lima hari berturut-turut iaitu sejumlah 14,954 kes baharu dilaporkan hari INI (19 September 2021).</p> <p>Pertambahan kes hari ini menjadikan jumlah kumulatif individu yang dijangkiti virus berkenaan kini mencecah 2,097,830 kes.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/866004/covid-19-ada-14954-kes-baharu
2.	Harian Metro 17 September 2021 (Non-Essential)	<p>Warga asing di Pulau Pinang mula dapatkan vaksin secara jumpa terus</p> <p>Kepala Batas: Rata-rata majikan bersyukur akhirnya pekerja mereka yang terdiri dari warga</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/756109/warga-asing-di-pulau-pinang-mula-dapatkan-vaksin-

	asing boleh mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 secara jumpa terus di empat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Pulau Pinang, mulai hari ini (17 September 2021). Empat PPV berkenaan adalah di Pusat Konvensyen Setia SPICE, Dewan Milenium, SP Arena dan Dewan Serbaguna Sungai Bakap.	<u>secara-jumpa-terus-metrotv</u>
--	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Berdasarkan rekod pada 19 September 2021, tujuh negeri mencatatkan pertambahan kes COVID-19 empat angka dan Sarawak kekal menjadi negeri tertinggi melaporkan kes harian dengan 2,707 kes. Ini ini disusuli Selangor dengan 2,028 kes baharu, Johor (1,948), Kelantan (1,420), Sabah (1,356), Pulau Pinang (1,259) dan Perak (1,222). Di samping itu, turut melaporkan pertambahan kes ialah di Kedah dengan 809 kes, Pahang (705), Terengganu (671), Kuala Lumpur (383), Melaka (207), Negeri Sembilan (144), Perlis (76) dan Putrajaya (19). Hanya Labuan tidak melaporkan sebarang pertambahan kes hari ini.

Daripada jumlah kes yang dilaporkan hari ini, 14,711 kes berada dalam kategori satu dan dua manakala 243 kes (1.6 peratus) berada dalam kategori tiga hingga lima. Secara keseluruhannya, setakat ini seramai 882 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 401 kes memerlukan alat bantuan pernafasan.

2. Dalam tinjauan di PPV Dewan Millenium di sini, majikan dilihat membawa pekerja mereka yang belum mendapat suntikan vaksin sebaik pengoperasian bermula pada 2 petang. Seorang pengusaha perkhidmatan mengecat kenderaan, Choi Fock Kuan, 52, berkata, dia tidak dapat memulakan perniagaannya berikutnya tiga pekerjanya yang juga warga Myanmar belum mendapatkan vaksin COVID-19. Prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan memerlukan pekerja divaksin dan disebabkan itu sehingga kini banyak peniaga masih tidak boleh membuka perniagaan. Ada pekerja sudah tiga bulan tidak dapat bekerja.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
 - Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;

- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 17 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Vaksinasi pelajar sekolah bermula 20 September</p> <p>Program vaksinasi terhadap kumpulan remaja berusia 12 hingga 17 tahun di negara ini, khususnya pelajar sekolah, akan bermula Isnin ini.</p> <p>Sasaran adalah 60 peratus daripada kumpulan usia ini mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos dan sebelum sesi persekolahan tahun depan bermula iaitu mencapai 80 peratus menerima suntikan lengkap.</p> <p>Program vaksinasi ini dilaksanakan agar persekitaran</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/865224/vaksinasi-pelajar-sekolah-bermula-20-september

		<p>atau ekosistem sekolah selamat serta semua pihak yang terbabit antaranya guru, kakitangan, pengendali kantin, pengawal keselamatan dan sebagainya, melengkapkan dos suntikan sebelum memulakan tugas kelak.</p>	
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Program vaksinasi terhadap kumpulan remaja berusia 12 hingga 17 tahun di negara ini, khususnya pelajar sekolah akan bermula pada 20 September 2021. 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid-murid haruslah divaksin sebelum pembukaan semula sekolah bagi memastikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan dalam keadaan selamat kepada semua pihak. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 masing-masing adalah seramai 2.72 juta orang dan 2.04 juta orang. 			
J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian 17 September 2021 <i>(Essential)</i>	Kebun Komuniti bantu jana pendapatan penduduk semasa PKP Projek Kebun Komuniti mampu menjana ekonomi penduduk setempat sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Nasional (PPN) di kawasan taman perumahan di bandar atau pinggir bandar.	https://www.sinarharian.com.my/article/161962/EDISI/Kebun-Komuniti-bantu-jana-pendapatan-penduduk-semasa-PKP
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Projek perintis Kebun Komuniti adalah antara program yang dirancang bagi membantu rakyat yang hilang kerja boleh menceburi bidang pertanian sebagai sumber pendapatan baharu sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di negara ini pada Mac tahun lalu. Projek rintis ini dijalankan atas tanah milik pemaju perumahan seluas 0.06 hektar melibatkan beberapa penduduk di Daerah Kuala Langat. 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah membuka peluang kepada pertambahan bilangan pengusaha pertanian. Ini secara tidak 			

<p>langsung akan dapat meningkatkan kuantiti pengeluaran item pertanian dan sekaligus meningkatkan jaminan bekalan makanan negara.</p>			
K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 19 September 2021 (Non-Essential)	<p>No entry of foreign workers, including maids, until Dec 31, says HR Minister</p> <p>The government has decided that there will be no entry of foreign workers into the country, including foreign maids until Dec 31, 2021. As of August 2021, there were a total of 92,481 foreign maids in the country and of this number, 64,181 were Indonesian domestic helpers recruitment.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/no-entry-foreign-workers-including-maids-until-dec-31-says-hr-minister
2.	The Edge Market 18 September 2021 (Non-Essential)	<p>MoHR to table proposal to provide free SOCSO protection for two million B40 housewives</p> <p>The Ministry of Human Resources (MoHR) through the Social Security Organisation (SOCSO) and Women, Family and Community Development Ministry (KPWKM) will propose to the Cabinet to provide free SOCSO protection for about two million bottom 40% income group (B40) housewives nationwide.</p> <p>This due to the need to protect the group who had been affected by the COVID-19 pandemic, especially when husbands as the family's breadwinner, could not go out to work.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mohr-table-proposal-provide-free-socso-protection-two-million-b40-housewives
3.	The Edge Market 17 September 2021	ACCCIM welcomes govt approval to bring in 32,000	https://www.theedgemarkets.com/article/acccim-welcomes-govt-approval-to-bring-in-32000

<p><i>(Non-Essential)</i></p>	<p>foreign workers for plantation sector</p> <p>The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM) has welcomed the government's decision to grant special approval to bring in 32,000 foreign workers to ease the labour shortage in the plantation sector.</p> <p>The measure will provide relief to the plantation sector, including the palm oil industry.</p>	<p>e/acccim%C2%A0welcomes-govt-approval-bring-32000-foreign-workers-plantation-sector</p>
-------------------------------	--	---

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan memutuskan bahawa tiada kemasukan pekerja asing ke dalam negara termasuk pembantu rumah warga asing sehingga 31 Disember 2021. Sehingga Ogos 2021, terdapat seramai 92,481 pembantu rumah warga asing dalam negara dan daripada jumlah tersebut, 64,181 adalah daripada Perkhidmatan Domestik Indonesia.
2. Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan membawa cadangan menyediakan perlindungan PERKESO kepada kira-kira 2 juta suri rumah kumpulan pendapatan B40 ke kabinet. Langkah ini bagi melindungi kumpulan berkenaan yang terjejas akibat pandemik terutamanya apabila suami sebagai pencari nafkah tidak dapat keluar bekerja.
3. *The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)* menyambut baik keputusan kerajaan memberikan kelulusan khas bagi kemasukan 32 ribu pekerja asing untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja dalam sektor perladangan. Langkah ini akan memberi kelegaan kepada sektor perladangan terutamanya industri minyak sawit yang mengalami kerugian di mana kekurangan pekerja telah menjaskan musim penuaian puncak.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Julai 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,072.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,294.8 ribu
 - iii) Penganggur: 778.2 ribu

- iv) Luar tenaga buruh: 7,475.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
2. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
- i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
- i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)
5. Statistik guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana(PKS) mengikut aktiviti utama ekonomi bagi 2020 berdasarkan Laporan PKS 2020 adalah seperti berikut:
- vii) Pertanian: 779 ribu orang (Sumbangan: 10.7%)
 - viii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
 - ix) Pembuatan: 1,187 ribu orang (Sumbangan: 16.4%)
 - x) Pembinaan: 673 ribu orang (Sumbangan: 9.3%)
 - xi) Perkhidmatan: 4,593 ribu orang (Sumbangan: 63.3%)
 - xii) Jumlah: 7,253 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)